

12 NOV 1996

Mahathir-Trinidad

PM TIBA DI TRINIDAD DAN TOBAGO

Oleh: Azman Ujang

PORT-OF-SPAIN, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba untuk lawatan singkat di Trinidad dan Tobago pada malam Isnin (pagi Selasa waktu tempatan), lawatan pertamanya ke negara Hindia Barat ini.

Beliau diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir yang baru selesai melakukan lawatan rasmi enam hari ke Guinea dan Ghana di Afrika barat, tiba dengan jet eksekutif yang singgah di Cayenne, ibu negeri French Guiana di Amerika Selatan untuk mengisi minyak.

Ketibaan beliau di Cayenne, disambut oleh Duta Malaysia ke Perancis Mohamed Harun, pegawai kanan French Guiana dan Pengerusi Binariang Sdn Bhd Tun Hanif Omar.

Hanif dan 200 anggota delegasi dari Malaysia berada di French Guiana bagi pelancaran satelit Malaysia yang kedua Measat II, milik Binariang Rabu ini.

Dr Mahathir akan menyaksikan pelancaran satelite itu yang dijadualkan pada 7.40 petang Rabu ini ( 6.40 pagi Khamis waktu tempatan).

Sebaik sahaja tiba di Trinidad dan Tobago, Dr Mahathir menghadiri jamuan makan malam yang dianjurkan oleh Perdana Menteri negara itu, Basdeo Panday.

Beliau akan mengunjungi Presiden Noor Hasanali pada hari berikutnya sebelum mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya dari Trinidad dan Tobago.

Dr Mahathir juga akan berjumpa dengan kumpulan kecil pelajar Malaysia yang kebanyakannya menuntut dalam bidang perubatan di universiti-universiti negara itu.

Pada sebelah tengah hari, beliau akan melawat salah sebuah syarikat yang terbesar di negara itu iaitu Point Lisas Industrial Development Company

Trinidad dan Tobago ialah sebuah negara yang terdiri daripada dua pulau di Lautan Caribbean berhampiran pantai timur-laut Selatan Amerika dengan jarak antara satu sama lain sejauh 32km. Ia mempunyai 1.2 juta penduduk.

Lebih sepertiga daripada penduduk negara itu berketurunan kulit hitam Afrika dan sepertiga lagi merupakan keturunan dari India. Penduduk yang lain terdiri daripada mereka yang berdarah campuran Eropah dan keturunan kulit hitam Afrika, bangsa Eropah dan China.

Bahasa Inggeris merupakan bahasa rasmi negara itu manakala ekonominya berasaskan pengeluaran minyak dan minyak bertapis. -- BERNAMA

AU AZZ NHD